



# NC diberi penghormatan sampaikan anugerah di Majlis Graduasi MRSM

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah diberikan penghormatan menyampaikan Anugerah di Majlis Graduasi ke 4 MRSM Tun Abdul Razak, Pekan pada 12 Oktober 2013 yang lalu.

Dalam majlis tersebut, seramai 349 orang pelajar tingkatan 3 dan 5 telah menerima penganugerahan sijil graduasi atas kecemerlangan dalam bidang akademik, sukan dan sahsiah.

Objektif utama majlis ini dilaksanakan ialah untuk meraikan para pelajar tingkatan 3 yang telah selesai menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan pelajar tingkatan 5 yang bakal menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada November yang lalu.

Dalam ucapannya, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut mengucapkan tahniah atas kejayaan MRSM Tun Abdul Razak, Pekan dari segi kecemerlangan pencapaian akademik dalam melahirkan lebih ramai cerdik pandai seperti yang dihasilkan oleh negara.

"Justeru, saya ingin mengingatkan para pelajar yang menerima sijil graduasi bahawa anda sekalian menggalas cabaran yang besar dan kewajipan yang berat untuk memastikan MRSM Tun Abdul Razak, Pekan terus cemerlang, kompetitif dan relevan sebagai modal insan yang berjaya," ujar beliau.

Beliau juga mengingatkan para pelajar agar kembali semula ke MRSM untuk mencurah bakti di tempat mereka mendapat ilmu.

Pada majlis tersebut, seramai 172 orang pelajar menerima Sijil Graduasi Menengah Rendah dan 177 menerima Sijil Graduasi Menengah Atas.

Anugerah Tokoh pelajar bagi tingkatan 3 disandang oleh adik Hamdan Syukuri Md Safi yang memperoleh TPNG 3.86 dan Anugerah Tokoh Pelajar bagi tingkatan 5 disandang oleh adik Suraya Syafiqah Ihsan yang mendapat TPNG 3.81.

Kedua-dua mereka bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah turut cemerlang dalam bidang sukan, keperibadian dan sahsiah.